

Selepas dikecam, Ketua DAP Perak pertahan kenyataan demi kepentingan ramai
Malaysian Insider
July 21, 2014
OLEH EILEEN NG

Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming hari ini mempertahankan tindakannya mempersoal Malaysia Airlines (MAS) menggunakan ruang udara Ukraine kerana katanya dia hanya menyuarakan kebimbangan orang ramai.

Jumaat lalu, Nga mencetuskan kontroversi apabila meminta MAS menjelaskan perkara itu ketika penerbangan lain tidak menggunakan laluan tersebut.

Bagaimanapun, ia menyebabkan kritikan dan kecaman tidak putus-putus terhadap Nga, yang juga Ahli Parlimen Taiping, sehinggakan orang ramai membidasnya supaya tidak mempolitikkan tragedi tersebut.

"Saya dengan rendah diri terima kritikan yang membina. Saya percaya ramai yang mempunyai soalan sama seperti saya tapi tidak berani luahkan.

"Tak salah meluahkan kebimbangan. Ia sebahagian hak bersuara dan amalan demokrasi," katanya.

Nga dalam tulisan awalnya berkata hujahnya berasaskan nasihat daripada Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat yang awal tahun ini melarang penerbangan Amerika daripada terbang merentas Crimea, Laut Hitam dan Laut Azov.

Namun, majalah TIME melaporkan ruang udara yang digunakan penerbangan MH17 bukan sebahagian daripada ruang udara yang dilarang.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai juga memetik kenyataan daripada Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengatakan 15 negara Asia Pasifik lain juga

menggunakan laluan sama.

Nga mendakwa nasihat daripada FAA dipatuhi oleh beberapa penerbangan lain, termasuk Korean Air, Asiana Airlines tapi tidak MAS.

"Isu di sini mudah, sama ada penerbangan kita ambil langkah berjaga-jaga atau tidak dan sama ada amalan terbaik industri digunapakai atau tidak.

"Orang ramai berhak untuk tahu," katanya. – 21 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-dikecam-ketua-dap-perak-pertahan-kenyataan-demi-kepentingan-ramai#sthash.mx6VaGwj.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-dikecam-ketua-dap-perak-pertahan-kenyataan-demi-kepentingan-ramai>